

25 MAR 1996

Mahathir-Downer

MAHATHIR TEMUI DOWNER DI DARWIN

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 25 Mac (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer berkata selepas pertemuan tidak formalnya dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Darwin malam ini bahawa Australia mahu meningkatkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Malaysia.

Downer menyifatkan pertemuannya dengan Dr Mahathir sebagai "mesra".

"Pertemuan itu akan dijadikan asas bagi hubungan dua hala antara kerajaan Malaysia dan Australia," katanya kepada pemberita selepas pertemuan selama 45 minit dengan Dr Mahathir.

Dr Mahathir menemui Downer semasa pesawat yang dinaikinya mendarat di sini untuk mengisi minyak. Perdana Menteri kemudian meneruskan perjalanan ke New Zealand untuk lawatan rasmi tiga hari.

Downer berkata beliau dan Dr Mahathir berbincang mengenai perlunya untuk mengemaskinikan perjanjian perdagangan yang "agak lapuk" yang wujud antara kedua-dua negara.

Topik lain yang dibincangkan termasuk hubungan pendidikan dan tawaran untuk menjual bot tentera Transfield.

Downer berkata Dr Mahathir memberikan reaksi positif kepada isu-isu yang dibangkitkan dan Dr Mahathir dijangka membincangkan dengan panjang lebar mengenai topik-topik itu pada pertemuannya dengan Perdana Menteri Australia John Howard di Brisbane Jumaat ini.

Beliau berkata pertemuan itu merupakan "pengenalan yang sangat produktif" mengenai kerajaan baru Australia kepada kerajaan Malaysia.

"Sudah tentu terdapat beberapa perselisihan di peringkat politik dan kita mempunyai tanggungjawab untuk memperbaiki hubungan politik dan saya berpendapat kita telah membuat permulaan yang baik malam ini," katanya.

Downer berkata beliau telah menekankan pentingnya hubungan dua hala.

Katanya, beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa Australia berharap untuk merundingkan perjanjian perdagangan yang baru dengan Malaysia pada tahun ini.

Mengenai isu pelbagai hala, Downer menegaskan komitmen kerajaan pimpinan Howard kepada APEC dan Asean.

"Dr Mahathir menjelaskan bahawa beliau akan membangkitkan isu-isu itu dan isu mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dengan Howard pada Jumaat ini," kata Downer.

Dr Mahathir tidak bercakap dengan pemberita. -- BERNAMA

NDC AKD